



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

UiTM *di hatiku*

MAY 2024

INFO 83rd ISSUE

KAMPUS

UiTM Sarawak Bulletin



The 2nd International Conference
On Innovative Sciences &
Technologies For Research &
Education (Innostre)

ReQaseni Art Exhibition
17th Edition: ENIGMA

Lawatan rasmi:
Profesor Datuk Teknologis
(Ts.) Dr. Hajah Roziah Mohd Janor



Building Bridges Through International
Mobility: A Joint Program between
UiTM & Mulawarman University
Indonesia

Program Kelestarian ICT ke Arah Pembangunan Komuniti Digital (Belia B40): Bengkel Laithan Penyelenggaraan dan Baik Pulih Komputer Kota Samarahan

Disediakan oleh:
Sharin bin Sulaiman, Dr. Azlina binti Bujang, Dr. Mohd Rafiz bin Salji, Dr. Lee Yee Ann dan
Zainon binti Haji Bibi

UiTM Cawangan Sarawak di bawah Unit Jaringan Komuniti dengan kerjasama Pusat Khidmat P197 Kota Samarahan telah mengadakan bengkel latihan penyelenggaraan dan baik pulih komputer bertempat di Dewan Suarrah, Kota Samarahan pada 8 dan 9 Oktober 2022. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan berkenaan dengan kemahiran asas pengurusan perkakasan dan membaik pulih komputer serta memupuk minat mereka untuk menceburi bidang perniagaan yang berunsurkan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Ini adalah selaras dengan agenda kelestarian dan mendokong aspirasi keluarga Malaysia yang memastikan tiada golongan yang ketinggalan untuk mendapatkan peluang menambah ilmu dan mengasah bakat.

Usaha ini amat penting dalam merealisasikan matlamat kerajaan negeri untuk melahirkan lebih ramai masyarakat khususnya yang menjurus kepada golongan celik ICT.

YB Datuk Hajah Rubiah binti Haji Wang berkata beliau amat menyokong penuh program seumpama dan ini adalah hasil kerjasama pelbagai pihak demi memastikangolongan belia ini terus maju ke hadapan. Koordinator Jaringan Komuniti UiTM Cawangan Sarawak iaitu Dr. Azlina Bujang berharapbengkel ini dapat menarik lebih ramai golongan belia dan komuniti setempat di Kota Samarahan untuk menceburi bidang ekonomi selaras dengan aspirasi kerajaan negeri Sarawak yang berasaskan teknologi digital dan seterusnya mengubah taraf hidup



mereka. Bengkel yang berlangsung selama 2 hari ini telah mendapat reaksi yang positif daripada 30 orang peserta. Encik Mohd Syazwan bin Mohd Aris, Ketua Unit Infostruktur UiTM Cawangan Sarawak selaku Ketua Projek berkata projek komuniti seumpama ini akan diteruskan lagi di kawasan - kawasan lain pada masa yang akan datang. Majlis penutupan telah disempurnakan oleh YB Datuk Hajah Rubiah binti Haji Wang. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Profesor Dr. Abang Zainoren bin Abang Abdurahman, Timbalan Rektor Penyelidikan & Jaringan Industri UiTM Cawangan Sarawak; Pengurusan atasan Kelab kakitangan (KEKiTA) UiTM Cawangan Sarawak; serta Koordinator Jaringan Komuniti UiTM Cawangan Sarawak, Dr. Azlina Bujang.

